

SOALAN-SOALAN LAZIM

(A) ALLIANZ PERLINDUNGANKU

1. Apakah skim ini?

Perlindungan ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan. Pendapatan hospital setiap hari juga akan dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rawatan di Hospital Kerajaan di Malaysia akibat kemalangan atau penyakit.

2. Apakah perlindungan asas untuk Allianz PerlindunganKu?

- Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal; dan
- Pendapatan Hospital (Hospital Kerajaan sahaja) akibat kemalangan atau penyakit;

dengan pilihan di bawah:

	Pelan 1	Pelan 2
Faedah	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)
Kematian atau Hilang Upaya Kekal	20,000	25,000
Pendapatan Hospital – Hospital Kerajaan sahaja (sehingga maksimum tiga puluh (30) hari setahun)	50 setiap hari	100 setiap hari

3. Siapakah yang boleh membeli perlindungan ini?

Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia, berumur antara lapan belas (18) tahun sehingga lima puluh sembilan (59) tahun adalah layak untuk membeli perlindungan ini.

4. Di mana saya boleh membeli perlindungan ini?

Anda boleh membeli perlindungan ini melalui pelantar digital Rakan Digital kami yang mengambil bahagian dalam skim ini.

5. Apakah kaedah pembayaran untuk perlindungan Allianz PerlindunganKu?

- Bagi perlindungan yang dibeli melalui pelantar digital, anda boleh membayar melalui gerbang pembayaran iPay88.
- Baucar dikeluarkan untuk penerima yang layak di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang ("PBPT"). Walaubagaimanapun, untuk menebus baucar untuk membeli Allianz PerlindunganKu, individu yang layak dikehendaki membayar Amaun Premium Wajib sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5).

6. Siapakah yang layak untuk Program Baucar Perlindungan Tenang?

Seorang individu yang berada di bawah kumpulan pendapatan B40 layak mendapat baucar bernilai Tujuh Puluh Lima Ringgit (RM75) yang dikeluarkan oleh kerajaan yang boleh digunakan untuk membeli produk Perlindungan Tenang yang ditawarkan oleh syarikat insurans tertakluk kepada bayaran Amaun Premium Wajib. Sekiranya baucar digunakan untuk membayar jumlah premium yang kurang daripada amaun baucar, sebarang baki amaun baucar tersebut tidak akan dibayar balik kepada anda.

7. Apakah Amaun Premium Wajib?

Untuk menebus baucar Tujuh Puluh Lima Ringgit (RM75) dan membeli Allianz PerlindunganKu, individu yang layak dikehendaki membayar Amaun Premium Wajib berjumlah Lima Ringgit (RM5) atau seperti yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kewangan Malaysia atau pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan. Amaun Premium Wajib merupakan sebahagian daripada premium yang perlu dibayar untuk Allianz PerlindunganKu dan baki premium yang perlu dibayar akan ditolak secara automatik daripada BPT.

8. Di manakah saya boleh menyemak kelayakan saya untuk Program Baucar Perlindungan Tenang?

Anda boleh menyemak kelayakan anda di <https://www.myPTV.my>. Kami juga akan menyemak kelayakan anda apabila anda mendaftar di laman web kami di allianz.com.my untuk membeli Allianz PerlindunganKu dengan menggunakan Baucar Perlindungan Tenang.

9. Bilakah saya akan mula dilindungi selepas mendaftar?

Tempoh insurans akan bermula satu hari selepas penebusan Baucar Perlindungan Tenang dari Portal Baucar Perlindungan Tenang yang dihoskan oleh ISM. Anda akan menerima e-mel yang mengesahkan tempoh insurans anda setelah anda berjaya menebus Baucar Perlindungan Tenang. Sekiranya penebusan Baucar Perlindungan Tenang tidak berjaya, perlindungan insurans anda akan dibatalkan dari tarikh berkuat kuasa dan anda akan dimaklumkan melalui e-mel.

10. Bilakah saya dapat mengetahui bahawa saya telah berjaya membeli perlindungan insurans dengan menggunakan Baucar selepas mendaftar di laman web Allianz?

Anda akan menerima e-mel Pengesahan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah kami berjaya menebus Baucar Perlindungan Tenang anda.

11. Bolehkah saya membeli Allianz PerlindunganKu tanpa Baucar sekiranya penebusan Baucar tidak berjaya?

Ya, dengan syarat bahawa Orang Yang Diinsuranskan adalah seorang warganegara Malaysia, yang menetap di Malaysia, berumur dari lapan belas (18) tahun hingga lima puluh sembilan (59) tahun. Apabila penebusan Baucar anda tidak berjaya, anda akan diberi pilihan untuk membeli perlindungan yang baru di bawah Allianz PerlindunganKu jika anda masih berminat untuk membeli perlindungan ini. Pembayaran boleh dibuat melalui gerbang pembayaran iPay88 ketika membeli melalui platform digital Rakan Digital kami yang mengambil bahagian dalam skim ini.

12. Bagaimana saya boleh membuat tuntutan untuk faedah yang diberikan di bawah perlindungan Allianz PerlindunganKu?

Anda mesti memberitahu Allianz dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kehilangan dengan menulis kepada kami ataupun menghantar emel kepada customer.service@allianz.com.my. Anda juga boleh menghubungi talian perkhidmatan pelanggan kami di 1 300 22 5542 untuk bantuan dan panduan tentang syarat-syarat penyerahan tuntutan. Sebagai alternatif, jika anda telah membeli perlindungan insurans melalui Rakan Digital kami, anda boleh menghubungi mereka dan anda akan dialihkan ke Allianz.

13. Mengapakah saya perlu membuat penamaan semasa berdaftar?

Tujuan menamakan seseorang sebagai "benefisiari" untuk menerima manfaat yang berkenaan adalah supaya Allianz boleh membuat bayaran langsung kepada benefisiari anda selaku dengan arahan anda. Dengan ini, benefisiari anda boleh mendapatkan wang tuntutan dengan lebih cepat. Anda dinasihatkan untuk memberitahu penama anda bahawa mereka telah dicalonkan di bawah perlindungan yang anda telah bayar.

14. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak membuat penamaan?

Di mana tiada penamaan dibuat, Syarikat tidak wajib untuk melepaskan manfaat sehingga keluarga terdekat anda mendapat Geran Probate atau Surat Perintah Pentadbiran yang mungkin mengambil sedikit masa untuk diperolehi.

15. Apakah faedah-faedah membuat penamaan?

Faedah-faedah penamaan termasuk mempercepatkan and memudahkan proses tuntutan dan bayaran. Anda juga boleh mengelakkan kos dan kesusahan untuk mendapatkan dokumen-dokumen pihak ketiga daripada mahkamah.

16. Bagaimanakah saya dapat membuat penamaan sekiranya saya tidak membuat penamaan semasa pendaftaran?

Anda boleh mengisi borang "Arahan Pembayaran" yang dilampirkan bersama-sama emel Pengesahan Perlindungan yang akan dihantar kepada anda selepas berjaya mendaftar. Selepas itu, anda boleh menghantar borang and diisi kepada agic.digital@allianz.com.my.

17. Bagaimana saya boleh memperbaharui perlindungan insurans saya di bawah polisi ini?

Anda boleh layari allianz.com.my atau menghubungi Allianz di 1300 22 5542 untuk bantuan selanjutnya.

18. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Allianz PerlindunganKu, anda boleh menghubungi Allianz melalui Live Chat di allianz.com.my, atau melalui e-mel kepada customer.service@allianz.com.my atau di 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

19. Apakah senarai dokumen yang diperlukan apabila membuat tuntutan?

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

Kematian/Hilang Upaya:

- Laporan bedah siasat (jika ada);
- Laporan perubatan dan/atau sijil kematian;
- Laporan polis & Lesen Memandu (untuk Kemalangan Kenderaan Bermotor);
- Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap.

Pendapatan Hospital:

- Laporan polis & Lesen Memandu (untuk Kemalangan Kenderaan Bermotor);
- Nota atau ringkasan kemasukan / pelepasan hospital;
- Laporan perubatan (jika ada);
- Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap.

Sebagai tambahan kepada dokumen yang disenaraikan di atas, Orang Yang Diinsuranskan harus memberikan dokumen lain kepada Allianz sekiranya diperlukan oleh Allianz dan hendaklah dalam bentuk dan sifat seperti yang ditentukan oleh Allianz.

1. Apakah Kempen PerlindunganKu Covid-19?

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad memperuntukkan RM 2 juta untuk memberikan perlindungan berkaitan Covid-19 secara percuma untuk memastikan Orang Yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah polisi Allianz PerlindunganKu dilindungi dengan baik. Kempen ini memberikan faedah berikut tanpa premium tambahan: -

- Kematian akibat Covid-19 atau kesan sampingan vaksin Covid-19 dengan jumlah yang diinsuranskan sebanyak sepuluh ribu ringgit (RM10,000).
- Pendapatan Hospital sebanyak lima puluh ringgit (RM50) sehari untuk rawatan Covid-19 (kemasukan ke Hospital Kerajaan sahaja) hingga maksimum tiga puluh (30) hari selama Tempoh Perlindungan Sah.

Kempen ini akan berlangsung dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2022 atau tarikh jumlah keseluruhan yang perlu dibayar di bawah Kempen ini mencecah RM2 juta, mana yang berlaku lebih awal ("Tempoh Kempen").

Tempoh perlindungan anda di bawah Kempen akan bermula pada permulaan tempoh insurans perlindungan Allianz PerlindunganKu anda dan tamat pada tamatnya Tempoh Kempen atau tamatnya tempoh insurans Allianz PerlindunganKu, mana yang lebih awal ("Tempoh Perlindungan Sah").

2. Bagaimana saya boleh membuat tuntutan untuk faedah yang diberikan di bawah Kempen PerlindunganKu Covid-19?

Anda mesti memberitahu Allianz dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kehilangan melalui e-mel ke AGIC-PerlindunganKu@allianz.com.my. Sebagai alternatif, jika anda telah membeli perlindungan insurans dengan salah satu Rakan Digital kami, anda boleh menghubungi mereka dan anda akan dialihkan ke Allianz.

Allianz akan membayar tuntutan yang dibuat di bawah Kempen ini dengan syarat perlindungan dibeli semasa Tempoh Kempen dan diagnosis positif Covid-19 atau kesan sampingan Covid-19 kerana vaksin Covid-19 diperoleh dalam Tempoh Perlindungan Sah, tertakluk kepada tempoh menunggu selama empat belas (14) hari dari permulaan Tempoh Perlindungan Sah Orang Yang Diinsuranskan.

Tuntutan yang dibayar di bawah Kempen Perlindungan Covid-19 tidak akan mengurangkan atau mempengaruhi faedah-faedah di bawah perlindungan Allianz PerlindunganKu.

3. Contoh situasi yang akan/tidak akan mencetuskan tuntutan di bawah Kempen ini: -

Senario 1

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Diagnosis Covid-19	14 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak membuat tuntutan kerana tarikh diagnosis berada dalam tempoh menunggu empat belas (14) hari dari Tarikh Kuatkuasa perlindungan.

Senario 2

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Diagnosis Covid-19	20 Oktober 2022
Status Tuntutan	Layak untuk tuntutan kerana diagnosis berada dalam Tempoh Perlindungan Sah dan Tempoh Kempen.

Senario 3

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Diagnosis Covid-19	15 Oktober 2023
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana tarikh diagnosis adalah selepas Tempoh Insurans.

Senario 4

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Diagnosis Covid-19	01 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana diagnosis sebelum Tarikh Kuatkuasa perlindungan bermula.

Senario 5

Tempoh Insurans	05 November 2022 hingga 04 November 2023
Diagnosis Covid-19	01 Oktober 2023
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana diagnosis tidak berada dalam Tempoh Kempen.

Senario 6

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Kematian (akibat kemalangan)	20 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana kematian disebabkan oleh kemalangan dan bukan Covid-19 atau kesan sampingan vaksin Covid-19.

Senario 7

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Kematian (akibat barah)	20 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana kematian disebabkan oleh barah (penyakit) dan bukan Covid-19 atau kesan sampingan vaksin Covid-19.

Senario 8

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Kemasukan hospital (akibat kemalangan)	20 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana dimasukkan ke hospital akibat kemalangan dan bukan untuk rawatan Covid-19.

Senario 9

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Kemasukan hospital (akibat serangan jantung)	20 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana dimasukkan ke hospital untuk rawatan serangan jantung dan bukan Covid-19.

Senario 10

Tempoh Insurans	05 Oktober 2022 hingga 04 Oktober 2023
Diagnosis Covid-19 (di hospital swasta)	14 Oktober 2022
Status Tuntutan	Tidak layak untuk tuntutan kerana rawatan diperolehi di hospital swasta.

4. **Adakah faedah Pendapatan Hospital terpakai sekiranya saya dimasukkan ke pusat kuarantin?**
Tidak, faedah Pendapatan Hospital hanya terpakai untuk kemasukan ke Hospital Kerajaan sahaja. Faedah ini tidak terpakai untuk pusat kuarantin atau mana-mana hospital swasta.
5. **Adakah saya akan dilindungi sekiranya saya berada di bawah kuarantin rumah?**
Tidak, kuarantin rumah tidak termasuk dalam perlindungan di bawah Kempen ini. Faedah Pendapatan Hospital hanya terpakai untuk kemasukan ke Hospital Kerajaan sahaja.
6. **Adakah saya layak untuk mendapatkan perlindungan di bawah Kempen ini jika saya baru menerima vaksinasi Covid-19 semalam?**
Ya, anda layak untuk mendapatkan perlindungan asalkan kejadian yang hendak dituntut adalah dalam tempoh Kempen dan jumlah keseluruhan yang telah dibayar di bawah Kempen ini tidak mencecah RM2 juta. Namun begitu, tempoh menunggu selama empat belas (14) hari dari Tempoh Perlindungan Sah masih terpakai. Ini bermaksud anda tidak dapat membuat tuntutan di bawah Kempen ini sekiranya anda menghadapi sebarang kesan sampingan akibat vaksinasi Covid-19 semasa tempoh menunggu ini.
7. **Apakah senarai dokumen yang diperlukan apabila membuat tuntutan?**
Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut: -
 - Borang Tuntutan Kempen PerlindunganKu Covid-19;
 - Borang e-pembayaran Allianz;
 - Salinan sijil kematian (untuk perlindungan kematian);
 - Salinan laporan perubatan dan ringkasan kemasukan dan pelepasan dari kerajaan;
 - Sijil Vaksinasi Covid-19;
 - Salinan ID Penuntut (mis. kedua-dua muka depan dan belakang kad pengenalan);
 - Bukti butiran akaun bank (mis. halaman pertama penyata bank anda);
 - Bukti hubungan (mis. sijil kahwin/kelahiran - jika mengemukakan untuk Orang Yang Diinsuranskan selain dari dirinya).

Sebagai tambahan kepada dokumen yang disenaraikan di atas, Orang Yang Diinsuranskan harus memberikan dokumen lain kepada Allianz sekiranya diperlukan oleh Allianz dan hendaklah dalam bentuk dan sifat seperti yang ditentukan oleh Allianz.

- 8. Bilakah akan saya tahu keputusan tuntutan saya di bawah Kempen PerlindunganKu Covid-19?**
Respons pertama melalui e-mel dijangka akan diterima dalam masa empat belas (14) hari bekerja. Kelulusan tuntutan adalah tertakluk kepada penyerahan dokumen yang lengkap dan syarat dan terma Kempen.
- 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?**
Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Kempen PerlindunganKu Covid-19, anda boleh menghubungi Allianz melalui Live Chat di allianz.com.my, atau melalui emel kepada customer.service@allianz.com.my atau di 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.